

Buletin Al Mansoorah

November 8, 2021

| Isu 09 November 2021

Pusat Pengajian Al Mansoorah No 3 Jalan PP 8/1 Taman Putra Perdana 47130 Puchong Selangor www.almansoorah.edu.my

**Susunan: Dr Khairul Nizam
bin Zainal Badri**

Isi Kandungan

01. Qasidah sebagai syiar agama

02. Perintis Sambutan Maulidur Rasul/Sangat Mengasihi Rasulullah SAW

03. Kelebihan Qasidah dari sudut Psikologi

Qasidah sebagai syiar agama

Qasidah ialah syair Arab yang sudah diamalkan sejak sekian lama, bahkan menjadi budaya masyarakat Arab sebelum kelahiran Rasulullah SAW lagi. Selepas Baginda SAW diutuskan, seni syair Arab tersebut terus dialunkan tetapi mengalami perubahan apabila menjadi wadah untuk memuji Nabi Muhammad SAW, sekali gus menyebarkan dakwah Islam dan ilmu.

Qasidah berasal daripada perkataan 'qasada' yang bermaksud luahan hati. Manusia pertama yang berqasidah dengan memuji Nabi Muhammad SAW ialah datuk Baginda sendiri, iaitu Abdul Motalib yang kemudian dikenali sebagai Selawat Adnani. Selawat Adnani antara yang sehingga kini kerap dialunkan terutama dalam sambutan Maulidur Rasul kerana ia berkisar kegembiraan Abdul Motalib dengan kelahiran cucundanya, Nabi Muhammad SAW.

Antara baitnya ialah 'Allah memberkatimu wahai keturunan Adnan, wahai anak yang terpilih, yang penuh keikhlasan dan pengasih. Segala puji bagi Allah yang mengurniakan kepadaku, anak lelaki yang baik akhlak dan sifatnya ini.'


Nabi SAW tidak pernah melarang bahkan Baginda SAW sangat suka mendengar qasidah yang dilantunkan oleh sahabat dan mendoakan mereka dengan kebaikan. Baginda SAW mendoakan bapa saudaranya, Saiyyidina Abbas Abdul Motalib RA yang ingin memuji Rasulullah. Abbas berkata: Wahai Rasulullah aku ingin memujimu. Baginda SAW kemudian menjawab: Allah akan memberimu panjang umur dengan gigi yang sihat," katanya.

Pada zaman Rasulullah SAW, ada beberapa sahabat yang menjadi pembaca qasidah khas kepada Baginda SAW, termasuk Hasan Thabit RA. Hasan mempunyai mimbar khas di dalam Masjid Nabawi khusus untuk melantunkan qasidah di depan Baginda SAW. Qasidah diamalkan oleh Para Sahabat sebagai elemen dakwah sehingga menjadikannya sunnah yang diikuti seperti sunnah Rasulullah SAW yang lain

Perintis Sambutan Maulidur Rasul

Imam Ibnu Kathir menerusi kitabnya Al-Bidayah Wa Al-Nihayah menjelaskan antara sambutan terawal Maulidur Rasul dibuat oleh Raja Al-Muzaffar yang menganjurkannya pada Rabiulawal dengan membuat perhimpunan secara besar-besaran. Beliau membelanjakan sebanyak 300,000 dinar setiap tahun untuk menyambut Maulidur Rasul di Ibril yang terletak berdekatan Syam, bermula 604 Hijrah hingga dihadiri rakyat yang datang dari segenap tempat.

Raja Al-Muzaffar dikatakan seorang alim, adil dan sanggup mengeluarkan hartanya dengan begitu banyak demi menyambut Maulidur Rasul kerana baginda mengetahui keagungan Nabi Muhammad SAW dan jasa terhadap umatnya yang kalau dikeluarkan seluruh harta dunia sekalipun tidak akan mampu membalas jasa itu.



Antara Qasidah yang sering dimainkan di Pusat Pengajian Al Mansoorah yang disusun oleh Imam Abdullah bin Alawi Al-Haddad (1634 – 1720 M)

Perpustakaan Al Mansoorah mengalu-alukan sumbangan dana untuk keperluan penyelenggaraan dan penambah-baikkan perpustakaan atau buku-buku/dokumentasi untuk tujuan rujukan dan perkongsian ilmu. Sumbangan boleh disalurkan ke 12261010005916 (Bank Islam atas nama Pusat Pengajian Al Mansoorah)

Lagu Sekolah "Al Mansoorah Madrasah Wasilah"

*Al-Mansoorah tersemat di
hati kami
Menanam ilmu Ilahi
Mendidik kasih dan
cintakan Nabi
Menyubur bakti dan jati
diri*

*Salawat wasilah jasmani
rohani
Qasidah memupuk pekerti
Hadith mendekat diri
dengan Nabi
Sirah meneladani diri*



HARGA RM 25 SEUNIT


Kelebihan Qasidah dari sudut Psikologi

Dari sudut psikologi, qasidah mengungkapkan imaginasi-imaginasi yang mampu mengilustrasikan alam rohani sehingga mendorong manusia untuk berada dekat kepada pencipta-Nya dan mengubah kehidupan manusia dengan cara menambah semangat kepada jiwa untuk beribadah. Dengan kata lain qasidah adalah cabang zikir yang membawa manusia untuk mengingat Allah dan Rasul-Nya agar dapat menggapai kebahagiaan yang abadi.

Kebahagiaan adalah jiwa manusia yang sempurna, yang tidak memerlukan kewujudan dalam bentuk material. Justeru untuk mencapai kebahagiaan, manusia tidak lagi bergantung kepada material kerana kedudukannya dalam globalisasi esensi telah membawa dirinya untuk membiasakan kehidupannya dengan tindakan-tindakan kebajikan. Qasidah yang mengajak manusia untuk mengingat Allah dan Rasul-Nya pada hakikatnya sangat berperanan untuk membangunkan jiwa yang bahagia yang suka kepada kesejahteraan umat dan merdeka dari perhambaan materialistik. Atas dasar itu, qasidah telah diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Pusat Pengajian Al-Mansoorah sejak dari tahun 2009 agar mereka sentiasa dilimpahi dengan makanan rohani dan pada masa yang sama diilhami dengan daya-daya positif dalam kehidupan.

Sangat Mengasihi Rasulullah SAW

Menurut Imam Ibn Kathir, Raja Al-Muzaffar atau nama penuhnya Raja Al-Muzaffar Abu Sa'id Kukbury Ibn Zainiddin Ali bin Buktikin (wafat 630 H) adalah seorang raja yang berani, cerdas, berilmu dan adil. Baginda sangat mencintai Rasulullah SAW dan pernah memberikan penghargaan kepada ulama yang menulis kisah kelahiran Rasulullah SAW. Misalnya baginda telah memberikan hadiah 1000 dinar kepada Syeikh Abu Al- Khattab bin Dihyah setelah mengarang kitab Al-Tanwir fi Maulid Al-Basyir Al-Nadzi. Menurut Imam Sabth Ibnu Al-Jauzi, untuk meraikan sambutan Maulid Nabi SAW, Raja Al Muzaffar bersedekah sebanyak 5000 kambing panggang, 10.000 ekor ayam, 100 ekor kuda, 100,000 keju dan 30,000 hidangan manisan (halawiyat) (Imam Al-Suyuti, Al-Hawy li Al-Fatawy, juz 1,halaman 272)



DAPATKAN DI PUSAT PENGAJIAN AL MANSOORAH DENGAN HARGA RM 25 SEUNIT! BOLEH DIJADIKAN CENDERAHATI ATAU HADIAH KERANA KANDUNGANNYA SANGAT BERMANFAAT UNTUK INSPIRASI KEHIDUPAN. HUBUNGI 01158518373

PENDAFTARAN 2022 DIBUKA

Pengajian yang ditawarkan

- ✓ Pra sekolah
- ✓ KAFA/KAFA Tahfiz
- ✓ SRITI
- ✓ Menengah (sukatan AZHARI)

Hubungi 011-58518373